

06/11/2001

LHDN akan keluarkan borang PCB Disember

INDIVIDU yang belum berkahwin dan berpendapatan RM2,400 sebulan atau kurang, tidak lagi perlu membayar cukai pendapatan tahun depan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Beliau berkata, perkara itu terkandung dalam pengumuman Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu berhubung cukai pendapatan individu.

Pengumuman cukai itu termasuk pengurangan cukai pendapatan individu antara satu dengan dua peratus manakala cukai pendapatan maksimum 29 peratus sekarang dikurangkan kepada 28 peratus.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Lumpur, semalam, Chan turut mengumumkan bahawa borang potongan cukai berjadual (PCB) akan dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Disember depan.

Katanya, borang bagi PCB yang akan membabitkan individu berpendapatan minimum RM2,551 sebulan itu kini sedang diproses dan apabila siap kelak, ia akan turut dipaparkan di laman web LHDN di www.hasilnet.gov.my.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan persidangan Kumpulan Pengkaji Pentadbiran dan Penyelidikan Cukai Asia (SGATAR) yang dianggotai 12 negara di rantau Asia Pasifik.

Persidangan antarabangsa anjuran LHDN itu adalah persidangan kali keempat dianjurkan oleh Malaysia sejak kumpulan berkenaan ditubuhkan pada 1970. Ia berlangsung selama empat hari bermula semalam.

Menurut Chan, Kementerian Kewangan menerusi LHDN akan terus menggandakan usaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai tanggungjawab membayar cukai sekali gus melebarkan lagi asas pembayar cukai.

Satu daripada langkah yang diadakan ialah mengadakan tinjauan rambang yang setakat ini, berjaya mencapai sasaran dan mendapat kerjasama sepenuhnya dari segenap lapisan masyarakat.

Tinjauan terbaru yang dilakukan ialah di Pulau Pinang pada 29 hingga 31 Oktober lalu membabitkan 2,266 orang di hampir semua kawasan di pulau berkenaan.

Chan berkata, hasil tinjauan mendapati 234 orang tidak mempunyai fail cukai, 354 tidak menyerahkan borang penyata, 570 tidak mempunyai rekod cukai, 69 tidak membuat PCB dan 892 belum mempunyai tahap pematuan yang baik.

Katanya, tinjauan sedemikian perlu ditingkatkan memandangkan tahap pematuan cukai di negara ini masih rendah jika dibandingkan dengan jumlah penduduk.

Ditanya bentuk cukai yang akan dikenakan terhadap urus niaga menerusi laman web, Chan berkata, setakat ini belum ada dasar dirangka mengenai perkara itu di kalangan negara membangun termasuk Malaysia.

Bagaimanapun, katanya perbincangan serius mengenainya sedang dilaksanakan oleh pihak terbabit dan beliau menjangkakan usaha itu akan mengambil masa yang panjang sebelum dapat dilaksanakan.

(END)